

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

**HGT 319 – Pelaksanaan dan Aplikasi Sistem Maklumat
Geografi**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan : DUA dari **Bahagian A**, SATU dari **Bahagian B** dan SATU dari **Bahagian C**.

Bahagian A

1. Bincangkan langkah-langkah yang perlu dipertimbangkan oleh sesebuah organisasi yang ingin melaksanakan sesuatu projek Sistem Maklumat Geografi.

[25 markah]

2. Nyatakan peringkat-peringkat penting dalam proses pelaksanaan sesuatu projek Sistem Maklumat Geografi. Menggunakan contoh-contoh yang relevan bincangkan salah satu daripada peringkat tersebut.

[25 markah]

3. Wellar (1993) menyatakan...*"untuk menjadi efektif sepenuhnya, GIS mestilah sebahagian daripada sesebuah organisasi, bukan sekadar di dalam sebuah organisasi"*. Menggunakan contoh-contoh yang relevan bincangkan pernyataan ini.

[25 markah]

4. Menggunakan fakta-fakta yang relevan huraikan peranan yang boleh dimainkan oleh Sistem Maklumat Geografi dalam kajian sosial.

[25 markah]

Bahagian B

5. Anda telah dilantik sebagai pakar runding dalam penentuan lokasi yang sesuai untuk pembinaan sebuah kawasan rekreasi berkonsepkan taman tema. Merujuk kepada prosedur pelaksanaan projek Sistem Maklumat Geografi, bincangkan langkah-langkah yang perlu dijalankan dalam penentuan lokasi taman tema tersebut.

[25 markah]

6. Merujuk kepada contoh-contoh sesuai, bincangkan cabaran dan prospek penggunaan Sistem Maklumat Geografi di dalam merancang dan memantau pembangunan bandar di Malaysia.

[25 markah]